



## MENTERI SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### PENYEGERAAN KELULUSAN PENGAMBILAN PEKERJA WARGA ASING

1. Permohonan majikan untuk mengajikan pekerja warga asing bagi semua sektor pekerjaan yang dibenarkan telah mula dibuka pada 15 Februari 2022. Berdasarkan permohonan yang diterima setakat ini, terdapat permohonan yang mempunyai kekangan untuk diproses disebabkan majikan **tidak memenuhi syarat keperluan pematuhan ratio oleh Agensi Kawal Selia (AKS), ketidakpatuhan kepada perundangan perburuhan serta permohonan tidak lengkap**.
2. Namun begitu, Kementerian Sumber Manusia sedar akan keperluan mendesak industri sepanjang tempoh dua tahun lepas susulan tiadanya kemasukan pekerja warga asing bagi menampung kekurangan guna tenaga. Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 April 2022 telah bersetuju agar proses permohonan kuota pekerja warga asing ini dipercepatkan.
3. Susulan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 April 2022 telah mengarahkan **penubuhan One Stop Centre (OSC) Khas** dengan penyertaan AKS disegerakan dan diselesaikan. OSC Khas ini mula beroperasi pada 18 April 2022 dan akan berakhir pada 29 April 2022. Namun demikian, KSM peka akan tuntutan industri kepada khidmat pekerja warga asing.
4. Oleh yang demikian, KSM telah menujuhkan **satu Jawatankuasa Khas Sementara** untuk menyegerakan kelulusan permohonan kuota pekerja asing yang masih tertangguh. Proses temuduga majikan akan dilaksanakan di Putrajaya di mana **majikan sendiri perlu hadir bagi proses temuduga tersebut dan menandatangani Aku Janji pematuhan perundangan perburuhan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan**.

5. Majikan yang telah menerima tarikh temujanji untuk temuduga akan dihubungi oleh KSM dalam masa terdekat bagi penjadualan semula tarikh temuduga tersebut untuk mempercepatkan proses permohonan mereka.
6. Langkah ini bagi membantu memenuhi keperluan sektor-sektor bukan pilihan warga tempatan, yang berunsurkan 3D (*Dangerous, Dirty, Difficult*) seperti sektor perkilangan, pembinaan dan juga perladangan. Saya juga ingin mengingatkan sekali lagi bahawa **tiada permohonan secara manual akan diproses oleh KSM. Permohonan kuota pekerja asing hanya boleh diakses melalui <https://fwcms.com.my/>**

**DATUK SERI M. SARAVANAN  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
28 APRIL 2022**